

Buletin IQRA'

2026

Bil. 1/2026 - Januari • eISSN: 2735-1920

Sumbangan Alumni RIDA | Menyambung Legasi Ilmu



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Universiti Teknologi MARA dengan penuh rasa penghargaan merakamkan setinggi-tinggi terima kasih atas sumbangan buku berharga oleh Tuan Haji Mohamad Yusof bin Mohamad Noor, Alumni Dewan Latihan RIDA.

Beliau yang pernah berkhidmat sebagai Group Financial Controller di PETRONAS selama 18 tahun, telah menyumbangkan sebuah buku bermakna berjudul "Continuing a Legacy Together for Our Future" – sebuah karya yang mencerminkan nilai kesinambungan legasi, kepimpinan dan tanggungjawab membina masa depan bersama.

Sesi penyerahan sumbangan ini telah diiringi oleh Dr. Salim Abdul Talib, mantan pensyarah Fakulti Hotel & Pelancongan UiTM, dan diterima dengan penuh penghormatan oleh Tuan Ts Haji Azizi bin Haji Jantan, Ketua Pustakawan UiTM.

Sumbangan ini bukan sahaja memperkaya koleksi perpustakaan, malah menjadi simbol jalinan erat alumni, institusi pendidikan dan pembudayaan ilmu merentas generasi. PTAR amat mengalu-alukan sumbangan koleksi ilmiah, karya pemikiran dan bahan bernilai sejarah daripada alumni serta komuniti sebagai usaha memelihara khazanah ilmu untuk rujukan warga universiti dan masyarakat umum.

Ilmu yang diwariskan hari ini, membina masa depan generasi akan datang.

BENGKEL PRIME UITM: COORDINATOR EXCELLENCE



PTAR UiTM Shah Alam menerima penyerahan Koleksi Jawi daripada Muhamad Nur Aiman bin Mohd Zuki dalam satu sesi bermakna yang turut melibatkan perbincangan mengenai pendigitalan dan pengembangan koleksi Jawi sebagai warisan ilmu bangsa, selaras dengan usaha memelihara khazanah untuk generasi akan datang





@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:

03 5521 1704

korporatptar@uitm.edu.my

*Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak,
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam*